



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 56

20hb Jun 2013

No. 13

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

No. 59.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik keluaran hilang.

JADUAL

Mukim	No. Lot	Keluasan/Jenis dan No. Hakmilik	Hektar	GRN	Resit
Kurong Anai	1095	8.549	368		130520040085
Utan Aji	4319	Meter Persegi	P.M.		130514030062

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

142

[20hb Jun 2013]

Mukim	No. Lot	Keluasan/Jenis dan No. Hakmilik		Resit
		Meter Perseggi	G.M.	
Sena	4117	208	3759	130515040069
Hektar				
Paya	2503	0.1415	1987	130513030088
Abi	789	0.6148	1094	130510030059
Padang Pauh	1453	0.0455	146	130509040077
Kurong Batang	63	0.4254	24	130508030024

Bertarikh 27 Mei 2013
[PTG.Ps.(R) 385/58 PT. 8 Jld. 7]

MOHD SHAHRIR REDZUAN BIN ABD SAMAD
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Perlis

No. 60.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd Shahrir Redzuan bin Abd Samad, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 20 Jun 2013 pada 11.00 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM55,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Lima Ribu Sahaja).

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada *pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM73,911.97. Nama pemegang gadaian—Resolution Alliance Sdn. Bhd.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

20hb Jun 2013]

143

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM5,500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Lima Ratus Sahaja);
- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 18 Oktober 2013 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Oran. No. Lot—1086. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 699. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 997, Jilid 3, Folio 37 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 19 April 2013
[PTG.Ps.(R) 1/80F 1972(12A)]

MOHD SHAHRIR REDZUAN BIN ABD SAMAD
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Perlis

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

144

[20hb Jun 2013]

No. 61.

DEPOSIT-DEPOSIT YANG TIDAK DITUNTUT (Arahan Perbendaharaan 162)

PEMBERITAHUAN

Menurut arahan 162 Arahan Perbendaharaan, adalah diberitahu bahawa orang yang dinamakan dalam ruang (3) Jadual diminta menuntut kembali deposit mereka yang masih tidak dituntut selama lebih daripada dua belas bulan dari Jabatan Pengairan dan Saliran Perlis sebanyak yang dinyatakan dalam ruang (7) Jadual. Jika deposit itu tidak dituntut dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pemberitahuan ini disiarkan, deposit tersebut akan dikreditkan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis.

JABATAN PENGAIKAN DAN SALIRAN NEGERI PERLIS SENARAI BAKI DEPOSIT BERAKHIR PADA 23 APRIL 2013

KOD JABATAN: 0130 KOD AKAUN DEPOSIT: 79501
(AKAUN PERTARUHAN)

Bil.	Nama Pendeposit	Tarikh Simpanan	No. Resit	Jumlah (RM)
1.	Reka Indah Development (Kepala Batas) Sdn. Bhd.	29-9-2010	R00001019	5,000.00
2.	Tegas Realty Sdn. Bhd.	26-1-2011	R00000205	10,000.00
3.	Azmi bin Mohamad	1-2-2012	R00000230	5,000.00
			Jumlah	20,000.00

KOD JABATAN: 0130 KOD AKAUN DEPOSIT: 79507
(AKAUN DEPOSIT WANG JAMINAN)

Bil.	Nama Pendeposit	Tarikh Simpanan	No. Resit	Jumlah (RM)
1.	Johari Rahim	28-12-2006	V0126462	9,922.90
2.	Bukit Papan Enterprise	28-12-2011	V0001600	11,375.00
			Jumlah	21,297.90

Bertarikh 3 Jun 2013
[JPS. Ps. 02/008 Jld. 4(34)]

IR. NISHAD MOHD BIN HAJI C.J. MOHD SHAFFY
*Pengarah Pengairan dan Saliran
Perlis*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA